



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KERANGKA PROSES PENGGUNAAN DAN PENGENDALIAN
PERALATAN PENDRAFFAN POLA PAKAIAN DALAM PROGRAM
FESYEN TVET DI KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA***

NORULAINI BINTI MOHD RAMLY

FRSB 2021 8



**KERANGKA PROSES PENGGUNAAN DAN PENGENDALIAN
PERALATAN PENDRAFAN POLA PAKAIAN DALAM PROGRAM
FESYEN TVET DI KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

Oleh

NORULAINI BINTI MOHD RAMLY

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

September 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KERANGKA PROSES PENGGUNAAN DAN PENGENDALIAN
PERALATAN PENDRAFAN POLA PAKAIAN DALAM PROGRAM
FESYEN TVET DI KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

Oleh

NORULAINI BINTI MOH RAMLY

September 2020

Pengerusi : Profesor Madya Nazlina binti Shaari, PhD
Fakulti : Rekabentuk dan Senibina

Penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian (6P) merupakan peralatan yang utama dalam penghasilan pola pakaian. Tanpa peralatan pendrafan pola tidak akan terhasil sehelai baju mahupun pakaian. Pelajar program fesyen TVET khususnya di Kolej Komuniti lemah dalam menguasai 6P dengan tepat dan cepat. Pola yang dihasilkan tidak mengikuti piawaian yang telah ditetapkan oleh penilaian gred pemarkahan bagi Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti. Pelajar program fesyen TVET kebanyakannya lemah di dalam menguasai pengendalian peralatan mendraf pola yang mempunyai pelbagai jenis, bentuk, saiz dan fungsinya. Objektif utama penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti 6P yang sedia ada digunakan semasa kelas menghasilkan pola pakaian oleh pensyarah dan pelajar program fesyen TVET. Selain itu, untuk menganalisa pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian secara manual yang lebih praktikal serta untuk membangunkan satu garis panduan serta manual 6P yang lebih sistematik bagi mendapatkan garisan pada pola pakaian lebih tepat. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kualitatif membuat temu bual dengan tenaga pengajar di Kolej Komuniti. Pemerhatian awal dilakukan terhadap pelajar program fesyen TVET dalam 6P. Di samping itu juga, kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik demografi untuk mengetahui latar belakang pelajar dan skala Likert digunakan untuk menilai pengetahuan, kemahiran serta emosi pelajar sebelum dan selepas menggunakan peralatan pendrafan pola pakaian. Hasil daripada kajian ini, mendapati bahawa domain kognitif, domain psikomotor dan afektif merupakan komponen utama dalam pendidikan berteraskan kemahiran. Walaubagaimanapun, penekanan terhadap domain psikomotor perlu diberikan perhatian untuk meningkatkan tahap kemahiran pelajar. Penyelidikan ini dijalankan bagi menghasilkan satu garis panduan kaedah sistematik dan manual penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian secara manual.

Kata Kunci: Pola Pakaian, Pendrafan Pola, Kaedah Mendraf dan 6P

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**A FRAMEWORK PROCESS OF USE AND OPERATION OF CLOTHING
PATTERN DESIGNING EQUIPMENT IN TVET FASHION PROGRAMME
AT MALAYSIAN COMMUNITY COLLEGE**

By

NORULAINI BINTI MOHD RAMLY

September 2020

Chairman : Associate Professor Nazlina binti Shaari, PhD
Faculty : Design and Architecture

The use and operation of Clothing Pattern Designing Equipment (6P) is a key tool in the production of clothing patterns. Without a pattern designing tool, no piece of clothing or apparel would be produced. Students of TVET Fashion Programs, especially at the Community College, are weak at mastering the 6P. The patterns created do not meet the requirements established in the Community College's Fashion and Clothing Certificate Program grade-level evaluation. Students of the TVET's Fashion Program were found to be inadequate at handling pattern-making equipment with a wide variety of types, shapes, sizes and functions. The main purpose of producing this research was to identify the 6Ps that were used by lecturers and students of TVET Fashion Programs during classroom sessions to create clothing patterns. Additionally, exploring a more realistic approach to handling a manual patterning equipment as well as creating a more comprehensive 6P manual and providing a more detailed description of patterns of clothing. The approach used in this study was qualitative, by way of carrying out interviews with lecturers at the community college. Preliminary observations were made on students of the TVET Fashion Programme in accordance to the 6P manual. In addition, quantitative methods using demographic questionnaires to find out students' backgrounds, and Likert scales were used to assess students' knowledge, skills and emotions before and after using the clothing designing equipment. As a result of this study, it was found that cognitive, psychomotor and affective domains are key components in skills-based education. However, the emphasis on the psychomotor domain needs to be taken into account to improve students' skill level. The research was conducted to produce a systematic methodological guide and manual use of clothing pattern designing equipment.

Keywords: Clothing Patterns, Pattern Designing, Designing Methods and 6P

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana telah memberi saya keberanian, keyakinan dan kesabaran untuk menyelesaikan penyelidikan serta penulisan tesis ini. Saya ingin memberikan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyelia saya, Profesor Madya Dr. Nazlina Binti Shaari dan Profesor Madya Dr. Nor Atiah Binti Ismail yang telah memberikan tunjuk ajar serta panduan sepanjang saya membuat penyelidikan ini. Para penyelia saya telah banyak memberikan idea, nasihat dan galakan yang membantu saya menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih juga diberikan kepada keluarga saya yang banyak memberikan sokongan, bantuan serta mendoakan saya sehingga penyelidikan ini berjaya dihasilkan. Tidak lupa, kepada semua sahabat-sahabat saya yang telah membantu dalam memberikan idea, berkongsi ilmu dan maklumat yang sangat berguna dalam penyelidikan ini. Akhir sekali, setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak tajaan, Hadiah Latihan Persekutuan, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Putra Malaysia kerana bantuan sepanjang pengajian saya.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada Jun 2020 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi menilai tesis Norulaini Binti Mohd Ramly yang bertajuk “Kerangka Proses Penggunaan dan Pengendalian Peralatan Pendrafan Pola Pakaian Dalam Program Fesyen TVET Di Kolej Komuniti Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah.

Ahli-ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Osman bin Mohd Tahir, PhD

Profesor Lar. Ts. Dr.
Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rizal bin Abd Rahman, PhD

Profesor Madya Dr.
Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Harozila Binti Ramli, PhD

Profesor Madya Ts. Dr.
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri
Jabatan Seni dan Reka Bentuk
Universiti Perguruan Sultan Idris
(Pemeriksa Luar)

ZURIATI AHMAD ZUKARNAIN, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nazlina binti Saari, PhD

Profesor Madya
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nor Atiah binti Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date: 14 Januari 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakeipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Norulaini binti Mohd Ramly, GS53135

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GRAF BAR	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	4
1.6	Skop Penyelidikan	5
1.7	Limitasi kajian	5
1.8	Delimitasi kajian	5
1.9	Signifikan Kajian	6
1.10	Rumusan	7
2	TINJAUAN LITERATUR	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Tinjauan Terhadap Silibus Program Fesyen TVET di Kolej Komuniti	9
2.3	Pendrafan Pola Pakaian	11
2.4	Peralatan Pendrafan Pola Pakaian	17
2.4.1	Reka Bentuk Peralatan	23
2.4.2	Elemen Pengguna	24
2.5	Pengendalian Peralatan Secara Manual	24
2.5.1	Ergonomik Dalam Pengendalian Manual	25
2.6	Domain Psikomotor, Kognitif dan Afektif	26
2.6.1	Domain Psikomotor	27
2.6.2	Domain Kognitif	28
2.6.3	Domain Afektif	30
2.7	Kaedah Kawakita Jiro (<i>KJ Method</i>)	32
2.8	Kata Kunci dan Kerangka Kerja Konseptual	32
2.9	Proses Pendrafan Pola Pakaian Sedia Ada	35
2.10	Kerangka Konseptual	37
2.11	Rumusan	38

3	KAEDAH PENYELIDIKAN	39
3.1	Pengenalan	39
3.1.1	Sampel	40
3.1.2	Lokasi	41
3.1.3	Limitasi Kajian	41
3.1.4	Umur	41
3.1.5	Responden	41
3.1.6	Eksperimen	41
3.1.7	Soal-Selidik	42
3.1.8	Kerangka Kaedah Penyelidikan	43
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	44
3.3	Fasa I - Isu	45
3.3.1	Tinjauan Literatur	45
3.3.2	Kaedah Kawakita Jiro (<i>KJ Method</i>)	45
3.3.3	Temu Bual (<i>Content Analysis</i>)	46
3.4	Fasa II – Pengumpulan Data	47
3.4.1	Pengumpulan Data	47
3.4.1.1	Pemerhatian Awal	48
3.4.1.2	Soal-Selidik	49
3.4.1.3	Validasi Instrumen Soal-Selidik	50
3.5	Fasa III – Analisis Data	50
3.5.1	Data Analisis	50
3.5.2	Data Primer	51
3.5.3	Soalan Temu Bual	51
3.5.4	Temu Bual	51
3.5.5	Soal-Selidik	52
3.5.6	Pemerhatian	52
3.5.7	Perbincangan	52
3.5.8	Dapatan Kajian	52
3.5.9	Kesahan dan Pengesahan Instrumen Soal-Selidik	53
3.6	Fasa IV - Penutup	54
3.6.1	Cadangan Kajian	54
3.6.2	Sumbangan Kajian Dalam Pengetahuan	55
3.6.3	Penyelidikan Akan Datang	55
3.7	Rumusan	55
4	ANALISIS PENYELIDIKAN, PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN	56
4.1	Pengenalan	56
4.2	Rumusan Keseluruhan Temu Bual Bersama Pensyarah Di KK	56
4.2.1	Temu Bual di KK A	58
4.2.2	Temu Bual di KK B	58
4.2.3	Temu Bual di KK C	58
4.2.4	Dapatan Temu Bual	58
4.3	Pemerhatian Awal	59
4.4	Soal-Selidik	62
4.4.1	Ujian Pra	62
4.4.1.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	63

4.4.1.2	Latar Belakang Semester 1	63
4.4.1.3	Ujian Pra – Semester 1	68
4.4.1.4	Bahagian B: Sebelum Penggunaan Peralatan Pendrafan Pola Sedia Ada	68
4.5	Ujian Pasca – Semester 1 dan Semester 3 Selepas Mengendalikan dan Menggunakan Peralatan Pendrafan Pola Pakaian Sedia Ada	74
4.5.1	Bahagian A: Latar belakang Responden	74
4.5.2	Bahagian B: Selepas Penggunaan Peralatan Pendrafan Pola Pakaian Sedia Ada	75
4.5.2.1	A. Psikomotor – Penggunaan Peralatan Pendrafan Pola Pakaian Bagi Semester 1 dan Semester 3	75
4.5.2.2	B. Kognitif – Pembelajaran Dalam Kelas Amali Mendraf Pola Pakaian	76
4.5.2.3	C. Afektif – Minat, Sikap, Emosi Dan Nilai Pelajar Semasa Kelas Pendrafan Pola	78
4.5.2.4	Nilai Purata Keseluruhan Bagi Domain Psikomotor, Domain Kognitif dan Domian Afektif	81
4.6	Perbincangan	82
4.7	Dapatan Kajian	83
4.8	Kesahan dan Pengesahan (<i>Validity and Reliability</i>)	92
4.9	Keputusan Validasi	93
4.10	Kategori Domain	95
4.11	Rumusan	96
5	DAPATAN KAJIAN	98
5.1	Pengenalan	98
5.2	Jawapan Untuk Persoalan Kajian	98
5.3	Cadangan Penyelidikan	99
5.4	Sumbangan Pengetahuan	100
5.5	Penyelidikan Akan Datang	101
5.6	Rumusan	101
	RUJUKAN	102
	LAMPIRAN	110
	BIODATA PELAJAR	149
	PENERBITAN	150

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
2.1	Jenis dan fungsi kegunaan peralatan pendrafan pola pakaian sedia ada	19
2.2	Senarai kata kunci menggunakan <i>brainstorming</i> melalui pengalaman	34
3.1	Ujian pra dan pasca	40
3.2	Kerangka kaedah penyelidikan	43
3.3	Aktiviti berkumpul pelajar program fesyen TVET	46
3.4	Kesahan muka	47
3.5	Jadual agihan kumpulan pelajar untuk melaksanakan pemerhatian terhadap 6P yang sedia ada	48
3.6	Kesahan Muka	54
4.1	Transkrip temu bual daripada responden tiga (3) buah KK A, B dan C	57
4.2	Pemerhatian dilaksanakan terhadap responden semester 1 dan semester 3	60
4.3	Responden yang terlibat untuk ujian pra (semester 1) sebelum mengetahui dan menggunakan peralatan pendrafan pola pakaian	63
4.4	Responden untuk ujian pasca yang terdiri daripada dua (2) kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 1 dan semester 3 untuk menjawab soal-selidik kajian	74
4.5	Model untuk tenaga pengajar bagi proses linear 6P mengikuti tiga aras domain utama	85
4.6	Pakar dalam bidang fesyen dan pakaian yang terlibat dalam proses validasi instrumen soal-selidik	92
4.7	Kerangka konseptual bagi kategori domain	95

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Proses aliran asas penggunaan peralatan mendraf pola yang lebih sistematik menggunakan peralatan mendraf pola yang sedia ada	9
2.2 Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan tiga (3) komponen	10
2.3 Menunjukkan 4 sumber utama dalam keperluan pengguna	11
2.4 Proses penghasilan sehelai pakaian mengikut silibus program fesyen TVET menggunakan sistem manual	12
2.5 Rekaan pakaian	13
2.6 Mendraf pola pakaian	13
2.7 Pemotongan fabrik mengikut pola yang telah dihasilkan	14
2.8 Proses jahitan selepas proses pemotongan pola pada fabrik	14
2.9 Proses jahitan tangan bagi kekemasan akhir pada pakaian yang dihasilkan	15
2.10 Proses penghasilan pakaian sistem manual mengikut silibus TVET KK	16
2.11 Pengguna, peralatan dan tempat kerja berinteraksi antara satu sama lain dan mereka perlu diambil kira dalam proses reka bentuk alat tangan yang lebih ergonomik	18
2.12 Peralatan mendraf pola sangat penting dalam penghasilan pola pakaian	21
2.13 Proses keperluan pendrafan pola pakaian	21
2.14 Proses untuk menghasilkan rekaan peralatan	23
2.15 Ciri-ciri elemen dalam pengendalian peralatan secara manual	24
2.16 Proses penghasilan reka bentuk produk daripada persepsi pengguna	26
2.17 Hubungan antara tiga domain KPA dalam penghasilan soal-selidik	26
2.18 Kerangka konsep kajian berdasarkan Teori Psikomotor Simpson (1972)	28
2.19 Menunjukkan 5 komponen yang terperinci dalam afektif	30

2.20	Taksonomi domain afektif	31
2.21	Kaedah KJ dalam penyelidikan	32
2.22	Proses aliran kategori bagi kata kunci	35
2.23	Aliran pergerakan proses pendrafan pola sedia ada	35
2.24	Proses penghasilan pola pakaian yang digunakan pada masa kini	36
2.25	Kerangka konseptual bagi proses aliran pendrafan pola pakaian	37
3.1	Manual proses penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian kepada pelajar program fesyen TVET	39
3.2	Reka bentuk penjelasan	40
3.3	Reka bentuk kuasi eksperimen ujian pra - pasca satu kumpulan	42
3.4	Reka Bentuk Penyelidikan	44
4.1	Garis panduan kaedah sistematik dalam penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian	84
4.2	Manual penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian bagi pembaris lurus	86
4.3	Manual penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian bagi pembaris lengkung	86
4.4	Manual penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian bagi pembaris 90°	87
4.5	Manual penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian bagi pembaris <i>French Curve</i>	87
4.6	Manual penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian bagi pita pengukur	88
4.7	Manual penggunaan peralatan pendrafan pola mengikut turutan	89
4.8	Manual penggunaan peralatan pada peralatan mendraf pola sedia ada	90
4.9	Manual penggunaan peralatan mendraf pola	91
4.10	Arahan dan pemberitahuan setiap bahagian pada peralatan	91
4.11	Proses pakar dalam bidang fesyen untuk validasi kerangka konseptual dan garis panduan dalam penghasilan pola pakaian yang lebih sistematik	92



SENARAI GRAF BAR

Graf bar	Maka surat
4.1 Jantina responden	64
4.2 Umur responden	65
4.3 Tahap pendidikan responden yang belajar di KK	66
4.4 Status responden yang belajar di antara dua (2) buah KK yang terlibat dengan penyelidikan	67
4.5 Pengalaman responden dalam bidang fesyen	68
4.6 Purata pelajar semester 1 sebelum mengetahui penggunaan peralatan pendrafan pola	69
4.7 Responden yang telah menjawab soal-selidik bagi domain kognitif untuk pembelajaran dalam kelas amali mendraf pola pakaian	70
4.8 Responden yang telah menjawab soal-selidik bagi domain afektif mewakili atribut minat, sikap, emosi dan nilai pelajar semasa kelas pendrafan pola	72
4.9 Nilai keseluruhan domain sebelum menggunakan peralatan pendrafan pola pakaian bagi pelajar semester 1	73
4.10 Perbezaan data keseluruhan purata bagi domain psikomotor semester 1 dan 3	75
4.11 Perbandingan purata data keseluruhan bagi domain kognitif semester 1 dan semester 3	77
4.12 Perbandingan data keseluruhan purata bagi domain afektif semester 1 dan semester 3	79
4.13 Nilai purata keseluruhan ketiga-tiga domain utama selepas menggunakan peralatan pendrafan pola pakaian bagi semester 1	81
4.14 Kata kunci yang disenaraikan dalam soal-selidik terhadap pensyarah program fesyen TVET di KK	93

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
1 Rajah: Surat Kebenaran Untuk Pengumpulan Data Penyelidikan Bagi Tujuan Pembelajaran	110
2 Rajah: Soalan Temu Bual Bersama Pensyarah Program Fesyen TVET Yang Digunakan Dalam Kajian Ini	111
3 Jadual: Soalan Sesi Temu Bual Bersama Pensyarah Program Fesyen TVET	116
4 Rajah: Sesi Temu Bual Dilaksanakan Bersama Pensyarah Fesyen TVET Di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang, Kolej Komuniti Selayang, Selangor dan Kolej Komuniti Raub, Pahang	124
5 Rajah: Borang Pemerhatian Responden Bagi Program Sijil Fesyen Dan Pakaian Di Kolej komuniti	126
6 Jadual 2: Pemerhatian Awal Dilaksanakan Terhadap Responden Semester 1 Dan Semester 3	131
7 Rajah: Proses Pemerhatian Responden Menggunakan Peralatan Pendrafan Pola Sedia Ada (Pelajar Semester 1 dan 3)	133
8 Rajah: Instrumen Soal-Selidik Responden Bagi Program Fesyen TVET	134
9 Jadual: Data Analisis Responden Semester 1 dan 3 Sebelum dan Selepas Menggunakan Peralatan Pendrafan Pola Pakaian	139
10 Rajah: Proses Pengumpulan Maklumat Kepada Responden Di Kolej Komuniti Selayang dan Kolej Komuniti Temerloh (Semester 1 dan Semester 3)	141
11 Rajah: Instrumen Soal-Selidik Bagi Validasi Pensyarah Program Fesyen TVET Di Kolej Komuniti	143
12 Rajah: Proses Validasi Bersama Kumpulan Fokus (<i>Focus Group</i>) Atau Pakar Dalam Bidang Yang Dilaksanakan Bersama Para Pensyarah Program Fesyen TVET Daripada 4 Buah Kolej Komuniti Di Palm Garden Hotel IOI Resort City	148

SENARAI SINGKATAN

6P	Penggunaan dan Pengendalian Peralatan Pendrafan Pola Pakaian
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
Kaedah KJ	Kaedah Kawakita Jiro
KK	Kolej Komuniti
SPSS	<i>Statistics Pacage for Social Sciences</i>
KPA	Kognitif, Psikomotor dan Afektif



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Di dalam bab pendahuluan, ruangan ini mengupas mengenai isu dan masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar program fesyen TVET khususnya di Kolej Komuniti. Kajian ini memaparkan pemerhatian dari sudut penggunaan dan pengendalian peralatan yang digunakan oleh pelajar semasa proses pendrafan pola pakaian dilaksanakan. Secara terperinci, latar belakang penyelidikan menghuraikan kepentingan kajian berdasarkan matlamat utama, objektif, dan skop penyelidikan turut juga diperhalusi dengan data-data yang diperolehi melalui pembacaan artikel, jurnal, buku mahupun manuskrip sejarah.

Peranan pendidikan yang berteraskan kemahiran semakin rancak diperkatakan di seluruh dunia. Di dalam perbincangan *Education International*, peranan pendidikan vokasional menyokong pencapaian Pendidikan 2030, iaitu komitmen kepada masyarakat dan antarabangsa untuk memastikan kualiti pendidikan yang inklusif dan saksama selari menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua, UNESCO, (2015). Pendapat ini mengetengahkan pendidikan vokasional secara intrinsik untuk mencapai matlamat dan menyokong pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan, menyumbang kepada pencapaian hak asasi manusia, membangunkan produktif keupayaan orang dan masyarakat. Secara dasar, peranan pendidikan vokasional adalah penting bagi individu, kumpulan dan masyarakat yang terkesan dari aspek ekonomi dan sosial. Dengan pendekatan yang dilaksanakan iaitu 1 orang : 1 kemahiran, ianya bagi merealisasikan kemahiran kepada segenap lapisan masyarakat (Bakar & Satisfaction, 2019). Walaupun negara akan mendapat faedah apabila nisbah penduduk yang mempunyai kelayakan, pengetahuan dan kemahiran lebih tinggi tetapi ini tidak menjamin ketersediaan peluang pekerjaan.

Dalam negara menuju Revolusi Perindustrian 4.0 (RI 4.0) *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) diperkenalkan bagi memenuhi permintaan industri pendidikan dan perniagaan yang memerlukan tenaga mahir daripada graduan yang telah tamat belajar di Institusi Kemahiran Tinggi (IKT) seperti Kolej Komuniti (KK), Kolej Vokasional (KV), Institusi Kemahiran Belia Malaysia (IKBN), Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Politeknik (Bernama, 2018).

Menjurus kepada bidang TVET yang ditawarkan ialah Program Sijil Fesyen dan Pakaian. Pelaksanaan program ini berteraskan teori, teknikal, praktikal dan insaniah bagi lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM). Antara institusi yang menjalankan modul program fesyen TVET ialah KK yang menawarkan Program Sijil Fesyen dan Pakaian terdiri daripada 16 buah kolej di semenanjung termasuk Sarawak. Silibusnya memberikan penumpuan terhadap kemahiran asas, rekaan pakaian sehingga menghasilkan pelbagai jenis pakaian mengikut penawaran dan keperluan pihak

industri. Pelajar turut didedahkan dengan ilmu keusahawanan mempelajari asas perniagaan, juga berpeluang membuat latihan amali di industri, butik, kilang pengeluaran pakaian. Antara peluang yang diperolehi adalah menimba pengalaman bersama pereka terkenal tanah air seperti Rizalman Ibrahim, Rizman Ruzaini, Bernard Chandran, Hatta Dolmat, Azura Couture, Adila Long, Fizi Woo dan lain-lain lagi. Dengan adanya program Sijil Fesyen dan Pakaian daripada KK dapat menampung keperluan tenaga mahir yang diperlukan di dalam negara. Kekurangan tenaga mahir dapat diatasi dengan adanya KK yang menawarkan kursus yang sesuai dan memfokuskan kepada program fesyen TVET (Kurniawati Kamarudin, 2019).

Selain itu, pelajar program fesyen TVET juga diberikan kemahiran yang bersesuaian selari permintaan industri. Secara menyeluruh, dalam proses mendapatkan akreditasi Malaysian Qualifications Act 2007 (MQA), salah satu subjek yang perlu dititikberatkan ialah keperluan kepada pendrafan pola pakaian yang lebih sistematik dan praktikal (Malaysia, 2007). Proses ini amat diperlukan bagi membantu penambahbaikan proses PdP agar lebih lancar. dan memudahkan penggunaan peralatan pendrafan pola yang sedia ada dengan lebih berkesan.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Penyelidikan ini berlandaskan daripada pengetahuan dan pengalaman penyelidik sebagai salah seorang tenaga pengajar di Kolej Komuniti bagi Program Sijil Fesyen dan Pakaian. Pengalaman penyelidik selama lapan (8) tahun dalam bidang pendidikan kemahiran di program fesyen TVET membolehkan penyelidik melihat permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah dalam amali penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian. Oleh yang demikian, penyelidik dapat melihat permasalahan yang berlaku semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas amali praktikal pendrafan pola pakaian khususnya penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian oleh pelajar program fesyen TVET. Daripada pengalaman penyelidik dapat dilihat secara terperinci masalah yang berlaku secara langsung dan tidak langsung yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar.

Pelajar semester 1 dan merupakan pelajar baru dalam kelas amali mendraf pola pakaian yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam proses 6P yang memerlukan pengetahuan asas setiap peralatan yang digunakan daripada bentuk, jenis dan fungsi setiap peralatan dalam pendrafan pola pakaian.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendrafan pola biasanya melibatkan situasi yang sukar difahami oleh pengguna baru khususnya kepada pelajar Program Sijil Fesyen dan Pakaian di KK. Berdasarkan pengalaman penyelidik, pelajar semester 1 lebih cenderung bermasalah untuk menggunakan peralatan pendrafan pola pakaian, kerana mereka masih baru dalam bidang yang diceburi dan tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam proses 6P. Kaedah pendrafan pola pakaian yang diimplementasikan dalam program fesyen

TVET di Kolej Komuniti masih menggunakan sistem pendrafan pola pakaian secara manual walaubagaimanapun kecenderungan pelajar melibatkan domain kognitif dan afektif kurang daripada psikomotor (Kurikulum Program Sijil Fesyen dan Pakaian, Semakan Mac dan Jun, 2018). Walaupun setiap semester pelajar perlu menggunakan peralatan mendraf pola yang sama, namun masih ada pelajar yang tidak menguasai proses 6P. Silibus Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti berorientasikan kepada pengetahuan dan kemahiran pelajar setiap semester dalam modul yang melibatkan penghasilan pola pakaian terhadap penguasaan pelajar dalam penggunaan 6P. Jika pelajar tidak menguasai kemahiran tersebut, mereka tidak dapat menghasilkan garisan-garisan pada pola seperti berikut:

- 1) garisan lengkung leher bahagian hadapan badan,
- 2) garisan lengkung leher bahagian belakang badan,
- 3) garisan keruk lengan baju, 4) garisan lengkungan bahagian bawah lengan,
- 4) garisan lengkung tepi bahagian badan kiri dan kanan pakaian hadapan,
- 5) garisan lengkung tepi bahagian badan kiri dan kanan pakaian belakang,
- 6) garisan lengkung tepi bahagian kiri dan kanan skirt hadapan,
- 7) garisan lengkung tepi bahagian kiri dan kanan skirt hadapan dan
- 8) garisan rekaan pakaian yang pelbagai jenis bentuk dan stail yang dihasilkan mengikut rekaan memerlukan pelajar menguasai setiap fungsi peralatan pendrafan pola.

Penguasaan pelajar dalam penghasilan pelbagai jenis pada pola perlu dikuasai dan dapat menghasilkan garisan tepat bagi mengelakkan permasalahan terjadi pada proses seterusnya seperti pemotongan fabrik dan jahitan sehingga siap. Jika pelajar tidak dapat menghasilkan pola dengan baik maka kualiti dan ketepatan saiz ukuran pola tidak sama pada ukuran pakaian yang telah siap dijahit. Proses pendrafan pola merupakan komponen yang penting dalam proses penghasilan pakaian dalam menentukan pakaian yang dihasilkan kemas, terletak dan mengikut saiz yang diperlukan.

Selain daripada itu, isu semasa yang melibatkan permasalahan daripada segi PdP program fesyen TVET pula, melibatkan ruang kelas dalam proses pendrafan pola pakaian yang tidak mencukupi bagi pelajar program fesyen TVET untuk penggunaan satu kelas seramai 30 orang dalam satu masa. Oleh demikian, kelas yang melibatkan amali dihadkan kepada 20 orang pelajar sahaja untuk memudahkan penggunaan runag meja mendraf pola.

Pernyataan masalah kajian adalah seperti berikut:

- i. Pelajar program fesyen TVET lemah dalam menguasai penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian yang pelbagai jenis, bentuk dan fungsi.

Bagi menangani masalah tersebut, terdapat keperluan untuk memudahkan cara serta kaedah penggunaan pelbagai jenis peralatan pendrafan pola pakaian untuk pelajar baru khususnya mahupun pelajar lama. Menurut Mohd Jalil et al., (2015), kurikulum TVET perlu memberikan tumpuan kepada pemikiran kritis dan kreatif sejajar dengan kebolehan pelajar dalam mempelajari kemahiran. Kaedah pembelajaran berasaskan projek melalui TVET boleh meningkatkan kualiti dan daya tarikan kepada industri dan kebanyakan program yang direka bentuk adalah berasaskan kepada sistem sebenar yang wujud di industri.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian, kajian ini mempunyai tiga persoalan yang perlu dikaji oleh penyelidik. Persoalan kajian ini adalah berdasarkan masalah yang dihadapi oleh pelajar bagi menggunakan kaedah sistematik dalam pendrafan pola pakaian bagi program fesyen TVET terutamanya di dalam kelas mendraf pola pakaian.

Berikut merupakan persoalan kajian:

1. Apakah kaedah penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian digunakan semasa mendraf pola pakaian oleh pelajar TVET?
2. Mengapakah kaedah pendrafan pola pakaian yang sedia ada sukar difahami oleh pelajar program fesyen TVET?
3. Bagaimanakah kaedah pendrafan pola pakaian yang lebih sistematik dengan menggunakan peralatan mendraf pola pakaian sedia ada bagi pelajar program fesyen TVET?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bergantung kepada persoalan kajian yang dinyatakan oleh penyelidik iaitu kaedah sistematik dalam pendrafan pola pakaian bagi program fesyen TVET. Kebanyakan pelajar program fesyen TVET lemah dalam menguasai pendrafan pola dengan menggunakan kaedah yang lebih sistematik dan berkesan bagi membantu mereka mengatasi permasalahan 6P terutamanya di dalam kelas amali mendraf pola pakaian.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti kaedah pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian secara manual di dalam kelas amali bagi pelajar program fesyen TVET.
2. Menganalisa kaedah pendrafan pola pakaian bagi pelajar program fesyen TVET.
